

**Seorang 'Job Coach' Untuk OKU Di Setiap Kawasan Parlimen - Shahrizat
Bernama
27 Februari , 2012**

GEORGE TOWN, 27 Feb (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyasarkan seorang jurulatih pekerjaan di setiap kawasan Parlimen bagi mempromosikan pekerjaan dan melatih golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata kementerian juga menyasarkan 222 jurulatih pekerjaan dilatih menjelang akhir tahun ini untuk ditempatkan di setiap kawasan Parlimen.

"Kita ada satu peningkatan di mana untuk OKU kita ada program pengkhususan untuk latihan mewujudkan jurulatih pekerjaan ini bagi membantu OKU yang berbakat dan berpotensi untuk mencari kerja dan dapat menentukan mereka kekal dalam pekerjaan masing-masing," katanya kepada pemberita selepas melancarkan perkhidmatan "Job Coach" untuk OKU di sini, Isnin.

Beliau berkata sehingga kini sebanyak 150 orang jurulatih pekerjaan telah dilatih dan ditempatkan di bawah kementerian itu.

Katanya, perkhidmatan jurulatih ini adalah kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Japan International Cooperation Agency (JICA) di bawah "Project Capacity Building on Social Welfare Services" untuk OKU di Malaysia.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648391>